

Bil. S 21

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2004/2005) (BIL. 3), 2005

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah termasuk kuasa untuk membuat peruntukan kewangan sebagaimana yang mungkin diperlukan selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus dua puluh satu juta, satu ratus lapan ribu dan lima puluh ringgit (\$4,421,108,050.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, tujuh ratus sembilan puluh sembilan ribu, satu ratus lapan puluh lapan ringgit dan lima sen (\$28,799,188.05) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan belas juta, lima ratus lapan puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh lapan ringgit (\$19,581,238.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 3), 2005.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2004/2005 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan belas juta, lima ratus lapan puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh lapan ringgit (\$19,581,238.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2004/2005, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04), Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004 adalah dengan ini dibenarkan.

- (2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk

KEMENTERIAN KEWANGAN

SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	\$19,581,238.00
		\$19,581,238.00

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 30 haribulan Mac, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**